



**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)**

---

**ARAHAN DALAMAN PENGURUSAN KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**KEMUDAHAN MAKANAN DAN MINUM MESYUARAT DALAMAN DI INSTUN**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk mewujudkan satu kadar yang seragam bagi kemudahan makanan dan minuman untuk mesyuarat dalaman di INSTUN.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Pekeliling Perbendaharaan 1PP PK7.5 - Perolehan Perkhidmatan Makanan dan Minuman Untuk Mesyuarat Dalaman (Pindaan Pada 15 Julai 2020) di para 3.3 telah menjelaskan Ketua Jabatan hendaklah menentukan kadar yang berpatutan dan diseragamkan kepada semua Bahagian di bawah kawalannya.
- 2.2. Arahan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Bilangan 2 Tahun 2014 – Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemah juga telah mewujudkan satu kadar yang seragam bagi kemudahan makanan dan minuman di peringkat Kementerian.

**3. PELAKSANAAN DAN KAEDAH PEROLEHAN**

- 3.1. Dalam perlaksanaan arahan ini, Mesyuarat Dalaman hendaklah ditafsirkan sebagai mesyuarat / perbincangan / naziran / lawatan yang diadakan di mana-mana fasiliti di INSTUN melibatkan pegawai dan kakitangan INSTUN juga para jemputan daripada pelbagai Kementerian / Jabatan / Agensi / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan / Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan / Negeri).

**INSTUN 91/11/06/11 (28)**

- 3.2. Penyediaan kemudahan makanan dan minuman bagi mesyuarat dalaman di INSTUN boleh disediakan bagi mesyuarat-mesyuarat seperti berikut;
- i. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah dan telah dijadualkan dalam takwim mesyuarat tahunan INSTUN;
  - ii. Mesyuarat peringkat INSTUN / Bahagian / Seksyen yang melibatkan jemputan / kehadiran agensi luar seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) serta pihak kementerian atau mana-mana agensi kerajaan yang lain; dan
  - iii. Mesyuarat yang tidak disenaraikan dalam takwim mesyuarat tahunan namun terdapat keperluan untuk menyediakan kemudahan makan dan minum boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan Pengarah INSTUN melalui permohonan yang dikemukakan kepada Seksyen Kewangan.

- 3.3. Bagi tujuan penyeragaman, jenis tempahan jamuan dan kadar jamuan adalah ditetapkan berdasarkan anggaran tempoh mesyuarat serta permulaan waktu mesyuarat seperti berikut:-

Bil.	Jamuan	Kadar (RM)	Tempoh Mesyuarat (Permulaan)
1	Sarapan Pagi	6.00	3 – 4 jam (pagi)
2	Minum Pagi	4.00	2 jam (pagi)
3	Makan Tengahari	10.00	4 – 6 jam (pagi)
4	Minum Petang	4.00	3 jam (petang)
5	Makan Malam	10.00	4 – 6 jam (petang)
6	Pakej (2 kali jamuan)	15.00	6 – 8 jam (pagi)
7	Pakej (3 kali jamuan)	20.00	8 – 10 jam (pagi / petang)

## INSTUN 91/11/06/11 (28)

3.4 Kaedah dan syarat perolehan yang dibenarkan di bawah arahan ini adalah:-

- i. Mesyuarat dalaman dilaksanakan di dalam mana-mana fasiliti INSTUN sahaja.
- ii. Bagi mesyuarat yang dilaksanakan diluar fasiliti INSTUN dan melibatkan pegawai dan kakitangan INSTUN serta tidak melibatkan penginapan, kelayakan bagi jamuan makan sehari secara pakej (sarapan pagi, makan tengahari dan minum petang / makan malam) mestilah mengikut kelayakan gred pegawai di bawah Pekeliling Bertugas Rasmi yang sedang berkuatkuasa.
- iii. Kajian pasaran adalah dikecualikan. Walaubagaimanapun, Unit Perolehan / Unit Khidmat Pengurusan Bahagian hendaklah tidak tertumpu kepada satu pembekal / pengendali kafe sahaja.

## 4. KUATKUASA

4.1 Arahan Dalaman Pengurusan Kewangan ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NOREHAN BINTI OMAR)**

Pengarah  
Institut Tanah dan Ukur Negara  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tarikh : 12 Januari 2021